

BAB DUA: SEJARAH UMNO MELAKA

A. Politik Melaka Pra-UMNO

Sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, ianya telah menjadi satu parti politik yang penting dan jelas kedudukannya kepada orang Melayu. Selain itu UMNO juga turut menjadi ketua kemerdekaan kepada Tanah Melayu . Di negeri Melaka, kesedaran berpolitik telah wujud sebelum Perang Dunia Kedua melalui beberapa buah persatuan separa politik seperti Kesatuan Melayu Melaka (KMM), Persatuan Melayu Semenanjung Melaka (PMSM) dn Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) cawangan Melaka.

KMM merupakan cawangan Kesatuan Melayu Singapura yang ditubuhkan oleh Mohamed Eunos Abdullah.¹ Tujuan kesatuan ini ditubuhkan untuk menggalakkan ahlinya memainkan peranan dalam hal ehwal umum dan kerajaan, memperjuangkan kemajuan bangsa Melayu dalam politik dan pelajaran dan untuk mewakili masyarakat Melayu dalam kerajaan mengenai hal-hal yang berhubung dengan hak kebebasan orang Melayu.² Pada tahun 1937 Kesatuan Melayu Singapura telah membuka cawangannya di Pulau Pinang dan Melaka.³

Bagi menggerakkan KMM ini setelah terhenti semasa Perang Dunia Kedua, satu jawatankuasa kecil telah dibentuk. Antara jawatankuasa tertingginya ialah:-

Yang Dipertua	:	Mohammad Ali Salleh
Naib Dipertua	:	Mohd Ali Maidin
Setiausaha	:	Syed Husain Ali
Bendahari	:	Jeti Ahmad

Selain daripada itu terdapat juga beberapa ahli jawatankuasa kecil yang dilantik seperti datuk penghulu, tuan haji dan guru. Beberapa orang wakil daerah juga dilantik untuk memperluaskan pengaruh KMM seperti Haji Talib Karim (Alor Gajah), Haji Amin B. Haji Yusof (Jasin) dan Thamby Chik Karim (Masjid Tanah)

Di negeri Johor yang bersempadan dengan Melaka, telah wujud satu pergerakan Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar bernama Pergerakan Melayu Semenanjung Johor.⁴ Tujuan pergerakan ini ialah untuk menentang Malayan Union telah menarik minat orang Melayu Melaka untuk menyertai pergerakan itu. Akhirnya pergerakan ini telah membuka cawangannya di Melaka di Dewan Panggung Wayang, Jasin pada 15 Disember 1946 dengan nama Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka (PMSM)

Antara tokoh-tokoh yang terlibat ialah:-

Yang Dipertua	:	Encik Ahmad B. Jamal
Naib Dipertua	:	Tuan Kadi Haji Mu'ti Merlimau
Setiausaha	:	En Md Alimin (Cikgu Ali b. Muhammad)
Naib Setiausaha	:	Encik Md Jadi B. Lahum
Bendahari	:	Tuan Haji Amin J.P. ⁵

Tujuan utama pergerakan ini ditubuhkan bagi menentang Malayan Union yang cuba menghapuskan hak-hak keistimewaan orang Melayu, mengecilkan kedaulatan raja-raja Melayu dan cuba mengambil alih Tanah Melayu sebagai sebuah jajahan British.⁶

PKMM cawagan Melaka pula ditubuhkan pada akhir bulan Januari 1946 dan telah membentuk satu jawatankuasa kerja. Di antara ahli jawatankuasa tertingginya ialah:-

Pengerusi : Sheikh Omar
Naib : Said Kemat
Setiausaha : Mohamad Haji Abdul Rahman
Penolong : Abdul Hai Hadi
Bendahari : Ahmad Daud

Beberapa ahli jawatankuasa lain terdiri daripada Atan Cik sebagai Ketua Penerangan, Karim Bakar sebagai Ketua API (Angkatan Pemuda Insaf), Omar Kering Kecil sebagai Ketua Buruh, Abdul Manaf Lambak sebagai Ketua Syarikat dan sepuluh orang ahli jawatankuasa lain. Cawangan API ditubuhkan pada 14 Jun 1946 dan barisan wanita PKMM iaitu Angkatan Wanita Sedar (AWAS) turut muncul. Selain itu “Angkatan Semut” juga ditubuhkan yang terdiri daripada kanak-kanak sekolah. Semangat kemerdekaan ditanamkan kepada mereka melalui nyanyian lagu API.

Dengan tertubuhnya cawangan PKMM di Bandar Melaka telah menyebabkan kedudukan kedua-dua parti Melayu seperti KMM dan PMSM terjejas. Bagi PKMM ia cuba mendapat sokongan daripada sebahagian kecil orang-orang Melayu kerana perjuangannya adalah untuk mendapatkan kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu. Maka di negeri Melaka telah terdapat tiga buah pertubuhan Melayu yang menjadi pelopor politik orang-orang Melayu Melaka.

B. UMNO Melaka Fasa I: 1946-1948

Apabila Dato' Onn ingin mengadakan satu kongres bagi orang-orang Melayu, ketiga-tiga pertubuhan ini telah bersetuju untuk menghadirinya. Kongres Melayu Semenanjung telah berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1, 2, 3 dan 4 Mac 1946. Kesatuan Melayu Melaka telah diwakili oleh Mohammad Ali B. Salleh sebagai ketua, Mohd Yusuff B. Harun, Tuan Haji Talib B. Abdul Karim dan Jaafar Alang. Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka pula telah diwakili oleh Alimin,⁷ dan wakil PKMM Melaka telah menjadi wakil PKMM Pusat seperti M. Mustaza sebagai peserta, Haji Omar, Jaafar Tan dan Nong sebagai pemerhati.⁸

KMM telah memberi beberapa cadangan dalam perbincangan untuk menubuhkan UMNO. Antaranya supaya diadakan jawatankuasa perniagaan dan jawatankuasa pendakyah. Di sini KMM melihat betapa pentingnya UMNO supaya membangunkan ekonomi orang-orang Melayu. Jawatankuasa pendakyah pula amat penting bagi sesuatu pertubuhan untuk bergerak. PMSM pula mencadangkan supaya diadakan jawatankuasa pertahanan dan mengadakan barisan pemuda seperti pengakap dan lain-lain.⁹

Dalam kongres yang diadakan di Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946, KMM tidak dapat hadir bersama. Negeri Melaka cuma diwakili oleh PMSM. KMM tidak dapat hadir kerana masalah kewangan. Dalam kongres itu Ahmad Jamal telah menandatangani Piagam UMNO. KMM menandatangani Piagam UMNO itu dalam mesyuarat berikutnya yang diadakan di Ipoh.¹⁰

Parti UMNO adalah diasaskan dari gabungan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang telah menandatangani Piagam UMNO termasuk KMM, PMSM dan PKMM. Oleh kerana pertubuhan ini sebagai bergabung, sifat pergabungan ini amat longgar. Piagam UMNO itu memberi kebebasan kepada pertubuhan-pertubuhan ini menjalankan dasarnya sendiri dan dibenarkan mempunyai perlembagaannya sendiri. Dengan itu UMNO Malaya mempunyai kuasa yang terbatas.¹¹ Keadaan pergabungan yang longgar ini boleh mendatangkan kesan yang buruk dan boleh mengundang perpecahan di antara perubuhan-pertubuhan itu sendiri. Hal ini telah menyebabkan berlakunya persaingan untuk mendapatkan pengaruh di Melaka antara KMM dan PMSM.

Dato' Onn dengan slogan perjuangannya "Hidup Melayu" telah datang ke Melaka pada April 1946. Dato' Onn berharap supaya wujud perpaduan antara PMSM dan KMM seperti yang dicatatkan di dalam akhbar Majlis:

Yang Berhormat berharap dan percaya pihak Kesatuan Melayu Melaka tidak akan menjadi musuh oleh kerana telah ditubuhkan PMSM sambil dimintanya ahli-ahli jawatankuasa KMM bermuafakat dengan PMSM supaya disama-samakan, dihubung keduanya untuk faedah orang-orang Melayu. Janganlah menurut langkah yang sudah. Timbulnya yang tidak bersetuju dengan kita itu kita sifatkan bermusuhan atau berseteru.¹²

Dari petikan di atas, Dato' Onn telah berfikir bahawa corak pergabungan yang wujud dalam UMNO itu boleh menimbulkan perpecahan. Ini kerana ketiga-tiga pertubuhan di Melaka itu bebas mencari pengaruhnya. Lebih menyulitkan lagi PKMM dengan perjuangannya mencapai kemerdekaan seratus peratus dan mahu Tanah Melayu bergabung dengan Indonesia telah mendapat sokongan orang-orang Melaka. Mengenai perkara ini Dato' Onn menegaskan bahawa:

Antara Malaya dan Indonesia itu janganlah susah dan jangan digaduhkan. Lautan yang mengasingkan tidak berapa tetapi manusianya satu bahasa, satu adat mustahil tatkala suatu masa darah itu tidak memanggil darah kepada darah.

Naṣihat saya biarlah orang Melayu bekerja berusaha dan berperasaan membetulkan diri supaya jangan barang yang dikendong akan cicir dan barang yang dikejar tidak akan dapat.¹³

Tegasnya di sini Dato' Onn mengiktiraf kedudukan orang mendatang Indonesia sebagai orang Melayu Semenanjung. Bagi beliau dari mana asal kedatangan mereka tidaklah penting tetapi baka Melayu yang dimiliki sudah cukup menjadikan mereka bertanggungjawab menegakkan kebangsaan Melayu Semenanjung yang sangat-sangat diperlukan dalam menentang Malayan Union. Menurut Dato' Onn konsep ialah satu konsep merdeka yang total tetapi agak lambat yang mana kemerdekaan yang akan dicapai patut diambil kira kemerdekaan ekonomi dan pendidikan. Dato' Onn menolak kemerdekaan yang terlalu cepat tanpa persediaan yang cukup. Baginya kemerdekaan bukanlah sesuatu yang hanya patut dijerit-jeritkan tetapi sesuatu yang mesti diisi dengan usaha-usaha yang konkret.¹⁴

Dalam usaha untuk menentang Malayan Union, orang-orang Melayu telah diarahkan supaya berkabung di setiap negeri sebagai tanda kematian hak mereka. Di Melaka walaupun ada arahan dari KMM, PMSM dan PKMM supaya ahli-ahlinya berkabung namun sambutan yang diberikan adalah sedikit sekali. Di kawasan Alor Gajah dan Bandar Melaka, mereka yang berkabung sangat kecil bilangannya. Kebanyakannya terdiri daripada orang-orang KMM. Bilangan yang kecil ini telah digambarkan oleh Straits Chronicle pada 5 April 1946 seperti:

Apart from a few who are wearing white bands around their caps apparently protesting against the Malayan Union, the general reaction of the Malays here is very calm and undemonstrative.¹⁵

Bilangan orang Melayu yang sedikit bilangannya semasa berkabung itu berkemungkinan tidak mendapat penerangan yang jelas. Masyarakat Melayu

ketika itu tidak membaca surat khabar. Maka idea bergabung itu hanya diketahui oleh pemimpin-pemimpin kesatuan, pegawai-pegawai kerajaan dan guru-guru. Di antara mereka ada pula yang mempunyai tanggapan sendiri tentang idea bergabung. Dengan itu tidak hairanlah hanya bilangan kecil sahaja orang Melaka yang bergabung.

Ketika ahli Parlimen Inggeris seperti L.D Gamman tiba di Melaka dari Johor pada 24 Mei 1946, PMSM telah menyambut dengan sebuah kereta sahaja. Mereka yang menyambut itu terdiri daripada Ahmad Jamal, Mohamed Alimin, Mohd Jadi Lahom, Yaakob Mohd Ali dan Mohiddin Haji Arshad.¹⁶ Apabila ahli Parlimen Inggeris ini tiba di Alor Gajah mereka telah disambut dengan poster-poster dan cogankata yang membantah Malayan Union. Walaupun sambutan yang diberikan ini tidak seperti sambutan yang terdapat di negeri Melayu lain, tetapi orang-orang Melaka tetap membantah Malayan Union. Kedinginan orang Melaka dalam hal bergabung adalah kerana tidak ada perpaduan di antara PMSM dan KMM yang bergabung dengan UMNO Melaka kerana masing-masing ingin mencari pengaruh.

Semasa mesyuarat agung UMNO di Ipoh pada 30 Jun 1946, PKMM telah menarik diri dari menjadi ahli gabungan UMNO kerana pemimpin-pemimpin UMNO tidak mahu menjadikan bendera Sang Saka Merah Putih bendera Indonesia sebagai bendera UMNO. Ini telah menyebabkan PKMM menjadi sebuah parti politik yang terpisah dari UMNO untuk mencari pengaruhnya sendiri.

Penentang orang Melayu terhadap Malayan Union berjaya menggagalkan gagasan itu telah menyebabkan pegawai Inggeris berbincang supaya Malayan

Union diganti dengan Malayan Federation Union. Menurut Nordin Sopiee, faktor utama kerajaan British menggantikan Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu ialah kebimbangan British terhadap kegiatan anti kerajaan di kalangan orang-orang Melayu dan semangat kebangsaan orang-orang Melayu.¹⁷

Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat tentangan daripada percantuman AMCJA dengan PUTERA. AMCJA ialah gabungan pertubuhan bukan Melayu yang lahir pada 22 Disember 1946 manakala PUTERA adalah gabungan API, AWAS, dan PKMM BATAS dan GERAM. Pergabungan AMCJA dan PUTERA telah menghasilkan ‘Perlembagaan Rakyat’ yang mengandungi lunas-lunas perjuangan AMCJA dan PUTERA. Sepuluh lunas-lunas AMCJA dan PUTERA itu adalah nyata lebih maju dari segi perjuangan anti penjajahan.

PKMM tidak bersetuju dengan rancangan Persekutuan itu dengan alasan tidak dapat menerima hanya UMNO bertanggungjawab memilih nama-nama Melayu dalam Majlis Persekutuan. PKMM juga menentang dasar pelajaran yang masih dikuasai oleh penjajah dan anak negeri tidak diberi peluang dalam hal ini.¹⁸ Penentangan orang bukan Melayu pula berpunca daripada beberapa sebab besar seperti mereka tidak berpuas hati dengan dasar pro Melayu dalam rancangan Persekutuan itu di mana British mengekalkan perlindungan dan layanan yang baik kepada orang Melayu dalam soal politik dan pentadbiran. Mereka juga mahu Malayan Union dikekalkan kepada rakyat Malayan Union adalah asas dalam membentuk bangsa ‘Malayan’. Bagi mereka syarat kerakyatan Persekutuan terlalu ketat kerana tempoh untuk seseorang bukan Melayu menjadi rakyat terlalu lama

iaitu dari 15 tahun hingga 20 tahun. Dalam tuntutan itu orang Cina mendapat sokongan daripada Chinese Overseas Commission, Singapura.¹⁹

Satu tindakan yang dilakukan oleh gabungan AMCJA-PUTERA dalam usaha menentang penubuhan Persekutuan ialah dengan mengadakan Hartal pada 20 Oktober 1947. Hartal ialah:

*A closure of all office, shop and place of work. Affects employer and employers alike and all business and work are suspended for a day.*²⁰

Akhbar Utusan Melayu telah melaporkan kejadian ini:

Perniagaan di Melaka telah terhenti sama sekali meliputi gedung-gedung perniagaan, pengangkutan dan tempat-tempat hiburan. Cuma basikal dan kereta sahaja yang lalu lalang. Bandar Melaka bagai dilanggar geroda.²¹

Pada ketika itu PMSM dan KMM tidak mengambil apa-apa tindakan bagi menentang hartal ini. PMSM tidak mahu mencetuskan pergaduhan kaum seperti yang telah berlaku di awal tahun 1945 apabila MPAJA berkuasa.

Akhirnya rancangan Persekutuan Tanah Melayu diisyiharkan pada 1 Februari 1948. Dengan pengisytiharan tarikh itu bermakna rancangan Malayan Union telah difamatkan. Orang-orang Melayu merasa gembira kerana hak-hak keistimewaan dan kedaulatan raja Melayu akan dikembalikan.

Pertubuhan KMM dan PMSM telah mengadakan sambutan kesyukuran di daerah dan mukim di Melaka pada 1 Februari 1948. Akhbar *Majlis* telah melaporkan 10,000 orang telah mengadakan majlis di 26 mukim. Dato' Onn telah berkesempatan datang ke Melaka untuk bersama-sama menyambut hari kejayaan UMNO itu. Dalam majlis itu Dato' Onn berucap:

Negri Melayu telah bercerai dengan Melaka semenjak beberapa tahun dahulu dan pada hari ini, inilah dapat disatukan dengan sebab terdirinya Persekutuan

Tanah Melayu ... Patut diberi pujian kepada orang Melayu Melaka yang telah dapat menolak merbahaya yang dikelilingnya.²²

Dari ucapan Dato' Onn ini tidak dapat dinafikan bahawa UMNO Melaka menghadapi persaingan yang hebat daripada bangsa-bangsa asing dan PKMM dalam menentang Malayan Union dan menyokong Persekutuan Tanah Melayu. Pergabungan PMSM dan KMM dalam UMNO juga tenggelam dengan kegiatan PKMM dan bangsa asing yang turut menjadikan Melaka sebagai pusat kegiatan mereka. Oleh itu kejayaan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan menolak rancangan Malayan Union merupakan satu langkah yang bijak bagi kedua-dua pertubuhan Melayu Melaka ini untuk merancang strategi untuk membaiki kegiatan politik mereka pada masa akan datang.

C. UMNO Melaka Fasa II: 1948-1954

Selepas undang-undang darurat diisytiharkan pada 21 Jun 1948 di seluruh negeri, pihak British telah memerintah semua pertubuhan-pertubuhan mendaftar diri di samping dapat menangkap pemimpin parti kiri yang masih aktif.²³ Dalam keadaan darurat itu UMNO telah menjadi sebuah pertubuhan Melayu yang ulung memperjuangkan nasib orang Melayu tanpa ada persaingan daripada parti-parti berhaluan kiri yang lain.

Mulai tahun 1948, UMNO Malaya telah mengadakan sistem ahli berdaftar terus yang mana semua pertubuhan yang bergabung di dalam sesebuah negeri itu haruslah dibubarkan dan menjadi UMNO Negeri yang mempunyai satu pentadbiran

pusat.²⁴ Mulai saat ini tidak ada lagi pertubuhan yang bercorak kenegerian di samping dapat menangani kelemahan yang ada dalam organisasi.

Di Melaka, PMSM dilihat lebih Di dalam tahun 1951, selepas mesyuarat agong bulan Jun, UMNO Bahagian Melaka telah dipimpin oleh Jasmy Hamid, sebagai Pegerusi, Naib Pengurus Penghulu Sheikh Omar Ahmad, Setiausaha Hashim Ghani dan Bendahari mendahului KMM dari segi sokongan orang ramai. Ini kerana PMSM seringkali membawa suara-suara orang Melaka di dalam persidangan UMNO. Misalnya di dalam persidangan UMNO di Seremban, PMSM telah mencadangkan supaya biasiswa khas diberikan kepada kanak-kanak Melayu Melaka dan Pulau Pinang yang mahu melanjutkan pelajaran. Selain itu turut mendorong UMNO supaya menjalankan pentadbiran hukum syarak dan negeri Melaka diberi kuasa seperti yang dijalankan oleh pegawai syarak di Johor.²⁵ Selain itu PMSM turut mengambil berat tentang anak-anak Melayu yang ingin melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris tetapi gagal kerana umur yang lebih. PMSM telah mendorong UMNO supaya hanya umur bagi kanak-kanak Melayu yang berumur antara 6 hingga 12 tahun boleh memasuki sekolah Inggeris dan bukan umur 6 hingga 8 tahun.²⁶

Cadangan-cadangan dari PMSM ini memperlihatkan bahawa PMSM sebagai wakil membela orang-orang Melayu Melaka sedangkan KMM sering tidak dapat hadir dalam setiap persidangan UMNO kerana masalah kewangan dan keahlian KMM lebih kecil berbanding dengan PMSM iaitu 570 orang dengan 2270 pada tahun 1948.²⁷

Bagi ahli-ahli PKMM pula, mereka telah dinasihatkan oleh Dr Burhanudin supaya membawa diri masing-masing dari ditangkap oleh pihak British. Memandangkan Tanjung Beruas di Melaka telah dijadikan pusat tahanan semasa darurat berlangsung²⁸ maka ramailah ahli-ahli PKMM memasuki UMNO sebagai jalan melepaskan diri dan tempat perlindungan daripada ditangkap oleh pihak berkuasa. Menurut B.Simanjuntak:

Only UMNO survived, thanks to its strong anti communist politic. As a result there was a political vacuum in Malaya.

Walau bagaimanapun tidak lama kemudian pada 27 Februari 1949, Malayan Chinese Association (MCA) ditubuhkan dan Tan Cheng Lock dipilih sebagai presiden pertama.²⁹

Dalam satu mesyuarat Agung PMSM pada 28 Mac 1948, PMSM telah bersetuju menukar namanya menjadi UMNO Bahagian Melaka mulai 1 April 1948 yang beribu pejabat di 47 Mile Road, Melaka. Ahli jawatankuasa ialah:-

Yang Dipertua	:	Ahmad Jamal
Naib Dipertua	:	Yahya Husin
Setiausaha	:	Alimin
Ahli jawatankuasa kecil terdiri daripada Jasmy Hamid (Iktisad), Kapten Mohammad Ali Maidin (Kebajikan), Sudin Abdul Rahman (Buruh), Haji Mokthi (Agama), Aminudin Manaf (Pegawai Penerangan), Mohd Jadi Lahom (Kebangsaan dan kebajikan masyarakat), Haji Said Haji Nong (Pegawai Wang Negeri) dan Pit Abdul Rahman (Setiausaha Perkara-perkara Pemuda). ³⁰		

UMNO Bahagian Melaka ini mempunyai 17 orang ahli dan 11 daripadanya ialah ahli jawatankuasa. Di dalam tahun 1949 ahlinya berjumlah 427 orang dan

hingga bulan Jun 1951 ahlinya Cuma 621 orang. Cawangan yang ada ketika itu hanya ada lima sahaja iaitu cawangan Central, ABD (Air Molek, Bukit Lintang dan Duyung), Merlimau, Jasin dan Alor Gajah.³¹

Dalam satu mesyuarat Agong UMNO Bahagian Melaka yang berlangsung pada 1 April 1949, jawatankuasa yang lama telah dirombak dan Tengku Husin Yahya telah dilantik menjadi Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua Encik Jasmy Hamid dan Setiausaha negeri ialah Mohd Ali Salleh, Penyimpan Amanah ialah Mohd Said B. Haji Nong, Setiausaha Penaung Aminudin Manaf dan beberapa ahli jawatankuasa kecil yang termasuk ahli jawatankuasa bagi daerah-daerah yang dilantik seperti wakil Jasin, Centra, Alor Gajah, Merlimau dan Masjid Tanah.³²

Di dalam tahun 1951, selepas mesyuarat agung bulan Jun, UMNO Bahagian Melaka telah dipimpin oleh Jasmy Hamid, sebagai Pengurus, Naib Pengurus Penghulu Sheikh Omar Ahmad, Setiausaha Hashim Ghani dan Bendahari Yunus Mohd Din. Ahli jawatankuasa lain terdiri daripada Kapten Mohd Ali Maidin, Mohd Tahir Amin, Syed Omar Al Habshi, Mohd Ali Salleh dan Haji Mokhti Hamid.³³

Dalam tempoh ini, UMNO berdepan dengan satu peristiwa besar di mana Dato' Onn telah keluar dari UMNO disebabkan cadangannya untuk membuka pintu UMNO kepada orang bukan Melayu tidak dipersetujui oleh Majlis Tertinggi UMNO. Dato Onn kemudiannya telah menubuhn *Independent Malaya Party* (IMP) pada 27 Ogos 1951.³⁴ Tengku Abdul Rahman telah dilantik menjadi Yang dipertua Agung UMNO bagi menggantikan Dato' Onn pada 28 Ogos 1951.³⁵

Pengunduran Dato' Onn dari UMNO telah menyebabkan kumpulan ulamak di dalam UMNO yang dikenali sebagai Persatuan Ulamak Malaya turut menarik diri dari UMNO. Haji Ahmad Fuad kemudiannya telah menubuhkan Parti Islam Semalaya (PAS) pada 26 November 1951 dan dilantik menjadi Yang Dipertua PAS yang pertama.³⁶

Di Melaka pula, Jasmy Abdul Hamid terpaksa menghadapi keadaan yang agak buruk dalam UMNO Melaka. Ini kerana sehingga tahun 1951, UMNO Melaka hanya ada lima cawangan sahaja. Bilangan ahli yang kecil di dalam UMNO Melaka ini menunjukkan bahawa organisasinya dalam keadaan yang tenat.

Terdapat beberapa sebab UMNO Melaka tidak berjaya menarik minat orang-orang Melayu Melaka menjadi ahli UMNO. Antara sebab itu ialah tidak ada penerangan-penerangan yang dijalankan bagi menyedarkan rakyat tentang UMNO dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai selain sikap pemimpin yang terdahulu tidak aktif berkempen.³⁷ Bagi membantu perkembangan UMNO Bahagian Melaka, Perikatan Pemuda telah ditubuhkan di bawah pimpinan Tawi B. Haji Abdul Hamid, Naib Ketua Encik Aminuddin B. Manaf, Setiausaha Tuan Syed Omar Al Habshi dan Penolong Setiausaha Encik Mohd B. Haji Abdul Rahman. Perikatan Pemuda UMNO telah diasaskan pada 23 Mac 1952 bertempat di Nilam Joget Moden, City Park, Melaka.³⁸

Pertubuhan UMNO kemudiannya turut disertai oleh bekas-bekas ahli PKMM seperti Mohammad Haji Abdul Rahman dan Ghaffar Baba kerana hanya UMNO sahaja merupakan pertubuhan Melayu yang dapat menyalurkan semangat berpolitik mereka yang ada. Penyerapan bekas-bekas ahli PKMM ini dapat dilihat

apabila mereka telah dilantik di dalam jawatankuasa mesyuarat agong 1952.

Dalam mesyuarat ini Encik Jasmy masih memegang jawatan Pengerusi, Md Nor Hassan sebagai Naib Pengerusi, Mohd Yunus Din sebagai Bendahari, Ghafar Baba sebagai Setiausaha dan Mohamad Haji Abdul Rahman sebagai Penolong Setiausaha.

Dalam kempen penerangan untuk memperbanyakkan cawangan, isu utama yang menjadi modal mereka ialah kemerdekaan dan perpaduan di kalangan orang Melayu untuk menyokong UMNO diperluaskan. Pemimpin UMNO Bahagian dan pemimpin Perikatan Pemuda banyak menghabiskan masa melawat ke kampung-kampung bagi mempengaruhi orang Melayu menyertai UMNO. Menurut Borhan Md Yaman (Datuk Wira), UMNO Bahagian Melaka menukuhan badan-badan penerangan untuk memberi ceramah-ceramah ke kampung-kampung untuk memberi penerangan kepada orang Melayu mengenai UMNO. Begitu juga dengan Ghafar Baba sendiri yang hari Jumaat kelihatan memberi ucapan di masjid-masjid bagi menerangkan perjuangan UMNO. Di sebelah malamnya pula beliau berada di pejabat UMNO di 47 Mile Road, Melaka bagi menguruskan kerja-kerja yang berhubung dengan pentadbiran UMNO.³⁹ Pada 21 November 1953, UMNO bahagian Melaka telah mempunyai 37 cawangan, pertambahan sebanyak 24 cawangan dari tahun 1952, dan pada 14 Ogos 1954, UMNO Bahagian Melaka telah mempunyai 51 cawangan iaitu pertambahan sebanyak 21 buah cawangan dari 21 November 1953.⁴⁰ Menjelang pilihanraya pertama 1955, UMNO Bahagian Melaka telah mempunyai 75 cawangan dengan cawangan Tangga Batu sebagai cawangan

terakhirnya. Keahlian UMNO Melaka pula telah bertambah kepada 4000 orang⁴¹ berbanding 621 orang ahli pada tahun 1951.

C. Sumbangan UMNO Melaka ke arah Mencapai kemerdekaan

Pada tahun 1951 UMNO Malaya telah menukarkan slogan perjuangannya dari ‘Hidup Melayu’ kepada ‘Merdeka’. Di awal tahun 1952, langkah perpaduan antara masyarakat Cina dan Melayu mula kelihatan apabila Perikatan UMNO-MCA telah berjaya dalam pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur. Pada bulan Mac 1951, beberapa desakan telah dibuat oleh kerajaan supaya menubuhkan kerajaan peralihan dan mengadakan pilihanraya bagi Majlis Mesyuarat Bandaran dan Majlis Mesyuarat Negeri. Tujuan UMNO ini ialah ingin mencapai kemerdekaan melalui perlombagaan.

Di Melaka, Pilihanraya Perbandaran Melaka diadakan pada 11 April 1955. Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 14 kerusi dari 15 kerusi yang dipertandingkan. Satu kerusi lagi dimenangi oleh calon bebas. Parti Negara dibawah pimpinan Dato’ Onn telah meletakkan calon-calonnya tetapi tidak memenangi sebarang kerusi.⁴² Kesan daripada keputusan ini ada di antara orang-orang UMNO menganggap perlunya kerjasama dengan MCA. Satu jawatankuasa perhubungan UMNO-MCA ditubuhkan sebagai tempat tumpuan orang ramai datang mengadu hal dalam daerah bandar.

UMNO Bahagian Melaka kemudiannya telah terpilih menjadi tempat membincang tuntutan pilihanraya pada bulan April 1953. Tuntutan pilihanraya

dibincangkan ini merupakan persetujuan antara Perikatan UMNO Malaya-MCA menuntut pilihanraya hendaklah diadakan oleh kerajaan pada tahun 1954 dan ahli Majlis Undangan Persekutuan hendaklah dipilih⁴³. UMNO Bahagian Melaka telah bersedia dengan cadangan bagi mesyuarat ini seperti menuntut kerajaan tarikh untuk kerajaan Tanah Melayu merdeka dan mendesak kerajaan mengadakan pilihanraya bagi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan.⁴⁴

Pada tahun 1954, kerajaan telah mengeluarkan penyata pilihanraya (Majority Report) tetapi Perikatan tidak dapat menerimanya. Ini kerana British hanya membenarkan 52 dipilih dan tidak menetapkan tarikh pilihanraya. Perikatan merasa bimbang jika penyata ini diluluskan, ahli Perikatan yang terdapat dalam jawatankuasa itu hanya ada tujuh orang sahaja. UMNO Malaya telah mengeluarkan arahan supaya membantah penyata pilihanraya itu melalui perhimpunan dan tunjuk perasaan⁴⁵ dan telah sokongan dari pertubuhan-pertubuhan yang menghadiri perhimpunan kebangsaan pada 14 Februari 1954.

UMNO Bahagian Melaka telah mengadakan perjumpaan ramai pada 21 Februari dengan dihadiri oleh 2000 orang termasuk Kaum Ibu dan orang-orang Cina MCA.⁴⁶ Kejayaan mengadakan perjumpaan ini bolehlah dianggap sebagai bukti orang-orang Melaka menyokong tuntutan yang dibuat oleh UMNO untuk mengadakan pilihanraya pada tahun 1954.

Pada April 1954, Melaka sekali lagi telah terpilih menjadi tempat untuk mengendalikan mesyuarat agong secara tergempar.⁴⁷ Dalam mesyuarat itu, keputusan dibuat yang mana menuntut semula ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih. Tuntutan ini lebih

tegas daripada tuntutan bersama Perikatan UMNO-MCA. Namun begitu menjelang bulan Jun 1954, usaha-usaha tuntutan tersebut tidak berjaya. Ahli-ahli UMNO dan MCA di Melaka telah keluar dari Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan sebagai menyambut arahan dari Perikatan UMNO-MCA. Encik Jasmy Abdul Hamid, Pengurus UMNO Bahagian Melaka telah keluar dari ahli Sellement Council, Encik Sudin dari *Rural Committee* dan Encik Abdul Bakar dari *Municipal*. Ini melihatkan sokongan yang diberikan oleh UMNO terhadap tuntutan pilihan raya 1954.⁴⁸

Dalam bulan Februari 1955, pihak British telah memutuskan untuk mengadakan satu pilihan raya UMNO Bahagian Melaka telah menghadapi masalah. Apabila kerajaan Melaka mengeluarkan penyata pilihanraya yang cuma memberi 8 daripada 20 kerusi Majlis Mesyuarat Undangan Negeri yang dipilih UMNO Bahagian Melaka telah membantah dengan sekeras-kerasnya terhadap undang-undang pilihanraya yang dianggap tidak demokratik. Satu rapat umum secara besar-besaran telah diadakan pada 20 Februari 1955 bertempat di Padang Bandar Hilir yang telah dihadiri kira-kira 5000 orang ahli UMNO, pemuda dan kaum ibu dari kampung-kampung dan seluruh cawangan UMNO di Melaka. Tengku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock juga turut hadir di dalam rapat umum tersebut. Bagi Tengku, penyata itu tidaklah berdasarkan demokrasai dan tuntutan yang dibuat oleh UMNO Bahagian Melaka itu adalah merupakan tuntutan yang mengikut dasar demokrasi. Penyata itu kemudiannya telah dimasukkan di dalam keranda dan di hanyutkan ke dalam laut Melaka oleh Perikatan Pemuda UMNO Melaka.⁴⁹

Walaupun Parti Perikatan telah membantah keputusan tersebut tetapi melalui suatu tolak ansur Perikatan menerima majoriti 52 dan lima kerusi yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi akan dirundingkan dengan parti yang telah mendapat kelebihan suara dalam pilihanraya mengenai perkara perlantikan kerusi-kerusi tambahan yang dilantik.⁵⁰

Hari penamaan calon bagi tahun 1955 ialah pada hari Rabu 15 Jun 1955 dan hari membuang undi bagi pilihanraya Persekutuan diadakan pada hari Rabu 27 Julai 1955. Di dalam pilihanraya ini terdapat dua kerusi sahaja yang dipertandingkan di Melaka iaitu di kawasan Melaka Tengah dan kawasan Melaka Luar. Bilangan penduduk Melayu di kawasan itu adalah melebihi 80 peratus⁵¹ telah menimbulkan masalah untuk meletakkan calon-calonnya. Orang-orang UMNO telah memperlihatkan semangat kebangsaan yang kuat dengan suara mahukan semua kerusi yang dipilih itu hendaklah diletakkan dengan calon-calon Melayu. Bagi ahli-ahli MCA dan MIC (Malayan Indian Congress) berpendapat pencalonan seperti ini boleh menutup pintu mereka daripada mengambil bahagian yang cergas dalam kemajuan negara. Perkara ini telah diselesaikan oleh Tengku Abdul Rahman dengan mengambil keputusan calon-calon UMNO dan MCA yang bertanding sebaik-baiknya bendaklah berlandaskan kepada bilangan pengundi. Jika pengundi Cina yang lebih ramai di kawasan itu maka calon Cinalah yang akan dicalonkan di kawasan itu dan sebaliknya.

UMNO Bahagian Melaka telah meletakkan lapan calon yang mewakili lapan kerusi yang dipertandingkan iaitu lima calon UMNO dan tiga calon MCA. MIC yang baru memasuki perikatan tidak dapat lagi meletakkan calonnya yang

layak⁵². Perikatan UMNO-MCA telah meletakkan Encik Sudin Abdul Rahman di kawasan Alor Gajah Pantai, Haji Talib Karim di Alor Gajah Darat, Hasnul Hadi di Jasin Utara, Haji Mokhti di Melaka Selatan dan Mohmad Haji Abdul Rahman di Melaka Central manakala calon-calon MCA pula ialah Goh Cee di Bandar Melaka, Tan Cheg Swee di Bandar Melaka Central dan Goh Kwee Seng di Bandar Melaka Timur.⁵³

Manifesto yang digunakan oleh Perikatan dalam pilihanraya ialah menuntut kemerdekaan melalui cara perlombagaan. Kemerdekaan akan tercapai sekiranya pengundi-pengundi memberi kuasa kepada Perikatan dengan cara memilih calon-calon Perikatan mengundi 52 kerusi dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan.⁵⁴

Dalam pilihanraya Persekutuan pula Perikatan UMNO-MCA telah membolot kedua-dua kerusi yang dipertandingkan yang mana Tan Siew Sin telah mendapat undi sebanyak 17,104 dengan mengalahkan calon bebas iaitu Karim Bakar sebanyak 3194 undi di kawasan Melaka Tengah. Ghaffar Baba mendapat undi sebanyak 26,790 undi mengalahkan Jaafar Tan dengan undi 2821 bagi kawasan Melaka Luar.⁵⁵

Dalam pilihanraya negeri yang mana tarikh penamaan calon ditutup pada 4 Ogos 1955 tidak ada calon-calon yang menentang UMNO. Dengan itu Perikatan telah memenangi lapan kerusi tanpa bertanding. Kemenangan Perikatan ini berkemungkinan kerana kehebatan dan personaliti calon-calon Perikatan dan para pengundi percaya kepada usaha-usaha Perikatan untuk memperjuangkan

kemerdekaan tanahair. Malaya telah mengulas bahawa kemenangan ini menunjukkan Melaka adalah kubu terkuat bagi Perikatan.⁵⁶


Manifesto pilihanraya Persekutuan 1955 yang menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dalam masa empat tahun hampir menjadi kenyataan apabila Perikatan berjaya memenangi 51 kerusi dari 52 kerusi yang dipertandingkan.⁵⁷ Tengku Abdul Rahman yang merupakan pemimpin Perikatan selepas kejayaan ini berazam akan melaksanakan manifesto pilihan raya tersebut melalui kenyataannya:

Kita telah berazam akan mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu dalam masa empat tahun samaada British suka atau pun tidak.⁵⁸

Pada 1 Januari 1956, misi kemerdekaan Tanah Melayu telah berangkat ke London yang diketuai oleh Tengku Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak, Dr Ismail dan H.S Lee manakala wakil raja-raja Melayu seperti Dato' Nik Ahmad Kamil telah berangkat ke London dengan menaiki kapal M.V Asia dari Perlabuhan Tanjung Pagar.⁵⁹ Manakala Dato' Panglima Bukit Gantang, ketua wakil Raja-raja Melayu menaiki kapal terbang secara berasingan.

Dalam perjalanan itu mereka telah bersetuju berbincang mengenai soal pertahanan, kewangan, *malaynization*, pembentukan suruhanjaya bebas bagi menggubal perlembagaan Tanah Melayu serta menetapkan tarikh kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1957.⁶⁰ Bagi melicinkan tuntutan rombongan merdeka ini, kerajaan British telah menuahkan sebuah jawatankuasa yang akan membuat laporan berhubung soal pertahanan dan *malaynization* dalam perbincangan itu yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tanah Jajahan British.⁶¹ Tengku sendiri merupakan ahli jawatankuasa dalam soal pertahanan. Tujuan jawatankuasa ini

Gambar 2.1: Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihanraya Persekutuan 1955 di Melaka



Sumber Ibu Pejabat UMNQ Melaka

Gambar 2.2: Cik Yah sedang menyerahkan segantang padi sebagai derma untuk misi kemerdekaan ke London kepada Encik Muhammad b. Hj Asmaun, Setiausaha Perikatan Pemuda UMNO, Cawangan Sungai Udang. Bukan sahaja Cik Yah malah ramai lagi rakyat Tanah Melayu yang menderma dalam pelbagai bentuk untuk perbelanjaan misi kemerdekaan ke London yang diketuai oleh Tengku Abdul Rahman.



Sumber: Ibrahim Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*,
Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm 613.

adalah bagi membincangkan beberapa soal yang bersangkutan mengubah perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum bulan Ogos 1957.

Pada 13 Januari 1956, UMNO bahagian Kuala Kangsar mencadangkan Melaka sebagai tempat mesyuarat tergempar untuk misi kemerdekaan mengisyiharkan tarikh kemerdekaaan.⁶²

Bahawa mesyuarat ini mengambil ketetapan iaitu mendesak ibu pejabat UMNO Malaya menghantar kawat ke London meminta supaya rombongan merdeka yang diketuati oleh Tunku Abdul Rahman itu sewaktu kembali dari England ke Tanah Melayu membawa tarikh kemerdekaan mendarat di Melaka.⁶³

Pada 5 Februari 1956, semasa rombongan merdeka itu masih berada di London mereka telah mendapat satu jaminan dari British mengenai tarikh kemerdekaan bagi Malaya menjelang Ogos 1957 jika boleh. Kerajaan British telah memberikan tarikh sementara itu berdasarkan di masa lampau kerajaan British tidak pernah menentukan tarikh kemerdekaan bagi tanah jajahannya dan kemerdekaan itu adalah bergantung atas kelayakan dan kebolehan penduduk negara yang bersangkutan untuk menentukan negaranya sendiri. Dengan adanya tarikh kemerdekaan itu, Tanah Melayu telah layak untuk merdeka.⁶⁴

Pada 7 Februari Perikatan Melaka telah menerima kawat dari London yang berbunyi:

Perundingan ditamatkan hari ini dengan kejayaan yang penuh. Keputusan diumumkan lapan haribulan.⁶⁵

Di Melaka, persediaan untuk menyambut kepulangan rombongan merdeka telah diatur oleh Perikatan UMNO-MCA-MIC melalui kawat kedua yang dikirimkan dari London yang berbunyi:

Akan balik dengan kapal terbang E.M 532. Sampai di Kuala Lumpur 19 Februari dan membuat ucapan umum pertama di Melaka.⁶⁶

Pada 10 Februari, Perikatan Melaka telah mengeluarkan kenyataan bahawa Tengku Abdul Rahman telah mengubah masa kepulangannya melalui telefon yang mana Tengku akan mendarat di Singapura pada 19 Februari jam 2 Petang, tiba di Batu Berendam pada pukul 3.30 petang dan akan meninggalkan Melaka sebelum jam 7.00 malam menaiki Malayan Airways ke Kuala Lumpur.⁶⁷

Pada 11 Februari, UMNO Bahagian Melaka telah mengadakan majlis mesyuarat jawatankuasa bagi melantik beberapa ahli jawatankuasa seperti jawatankuasa penyambut tetamu di Bandar Hilir, jawatankuasa sambutan di Lapangan Terbang Batu Berendam, jawatankuasa penyambut luar negeri, pengelola hadiah-hadiah dan jawatankuasa membuat dan menjual bendera. Mesyuarat ini juga bersetuju mengadakan malam anekarama pada malam Isnin pada 20 Februari itu.⁶⁸


Pada 13 Februari, UMNO Bahagian Melaka telah mengadakan mesyuarat perwakilan yang dihadiri oleh 83 buah cawangan UMNO dan bersetuju bagi menyambut rombongan merdeka dengan cara besar-besaran dan bersetuju juga dengan acara-acara samutan yang dibuat oleh Perikatan. Mesyuarat perwakilan itu telah menetapkan tiga perkara iaitu bersetuju menuntut supaya kemerdekaan tidak lebih 31 Ogos 1957, bersetuju supaya perlombagaan Tanah Melayu Merdeka di masa akan datang hendaklah termasuk Melaka dan Pulau Pinang dan UMNO bahagian Melaka telah melantik lima wakil untuk menyampaikan perutusan kepada Tengku pada hari pengisytiharan kemerdekaan. Mereka itu terdiri daripada Yang Berhormat Haji Talib Karim,, Kamal Sudin, Puan Noh Bte Osman, Cikgu Salleh dan Tawi Hamid.⁶⁹

Beberapa hari sebelum tarikh 19 Februari, negeri Melaka telah menjadi tumpuan rakyat Tanah Melayu. *Utusan Melayu* telah merakamkan peristiwa ini dengan jelas sekali:

Sementara itu seluruh Malaya mengalir ke selatan mulai hari ini. Semua hotel-hotel di Melaka sudah habis ditempah. Suatu berita dari Muar mengatakan bas-bas dari Muar ke Melaka telah habis ditempah. Orang-orang yang tidak dapat menempah menyatakan bilangan bas patut ditambah lagi pada hari Ahad supaya memberi peluang kepada mereka ke Melaka. Jalanraya di antara Singapura dengan Melaka mulai sesak dengan kereta dari Singapura dan selatan Johor.⁷⁰

Pada 19 Februari iaitu hari pengumuman itu, Tengku telah terlewat kira-kira sembilan jam untuk sampai ke Singapura iaitu sepatutnya pukul 2.30 petang telah tiba pada jam 11.30 malam.⁷¹ Hal ini telah menyebabkan beberapa acara yang telah dirancang terpaksa dibatalkan. Pada 20 Februari 1956, rombongan Tengku telah tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam jam 11 pagi dan beliau telah disambut oleh rombongan ahli jawatankuasa Perikatan yang diketuai oleh Tan Cheng Lock dan kemudian diarak ke Bandar Hilir.⁷² *Utusan Melayu* telah melaporkan di sepanjang jalan ke Banda Hilir beratus-ratus orang telah beratur melambaikan tangan kepada rombongan merdeka itu.⁷³ Menurut akhbar *Straits Time*, jumlah orang yang berhimpun ketika itu lebih daripada 100,000.

Gambar 2.3: Perhimpunan rakyat dari seluruh pelusok Tanah Melayu di Bandar Hilir Melaka untuk mendengar pengisytiharan tarikh kemerdekaan oleh Tengku Abdul Rahman




Gambar 2.4: Padang Bandar Hilir, Melaka menjadi lautan manusia pada perhimpunan menyambut kepulangan misi kemerdekaan. Sebahagian mereka telah datang pada 19 Februari 1956.



Sumber: UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO*, Melaka, hlm 36 dan 40.

Gambar 2.5: Rombongan Misi kemerdekaan melintasi pintu gerbang di Batu Berendam dengan disambut pekikan merdeka daripada Barisan Pemuda UMNO



Gambar 2.6: Misi Kemerdekaan diiringi oleh pemuda-pemuda UMNO Melaka berpakaian putih dan bersongkok hitam yang menunggang motosikal melintasi Jalan Tun Sri Lanang dari Batu Berendam ke Padang Bandar Hilir.



Sumber: UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO*, Melaka, hlm38 dan 41.

Gambar 2.7: Rombongan Misi kemerdekaan sedang melintasi Jalan Taman di hadapan A Famosa untuk menuju ke pentas khas.



Gambar 2.8: Tengku Abdul Rahman sedang berjalan kaki di Jalan Taman untuk menuju ke pentas khas disambut dengan pekikan merdeka daripada ribuan rakyat yang hadir. Bangunan di belakang itu ialah bangunan “Malacca Club” atau lebih dikenali sebagai ‘Memorial Kemerdekaan’



Sumber: UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO, hlm 39 dan 40

Setibanya di Padang Bandar Hilir, Tengku Abdul Rahman memeriksa perbarisan kehormat terdiri daripada pemuda-pemuda UMNO sebelum naik ke pentas khas untuk menyampaikan ceramah dan lafaz pengistiharan kemerdekaan.

Dari itu dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Mengasihi, saya atas nama rakyat Malaya mengisyiharkan bahawa kemerdekaan penuh Persekutuan Tanah Melayu (di dalam komenwel) menurut perjanjian yang telah dicapai di London akan dilaksanakan pada 31 Ogos 1957.⁷⁴


Pengisytiharan Tengku itu merupakan puncak perjumpaan dan disambut dengan jeritan merdeka oleh hadirin. Tengku juga telah mengulas mengenai Melaka dan Pulau Pinang iaitu:

Negeri ini telah lama dijajah tapi hari ini anaknya sendiri berpeluang untuk menebus kembali , bukan saja Pulau Pinang tapi juga Melaka untuk dimasukkan ke dalam Malaya.⁷⁵


Sebagai menunjukkan sokongan daripada raja-raja Melayu, Pangima Bukit Gantang, sebagai wakil raja-raja Melayu telah memberi jaminan bahawa raja-raja Melayu menyokong penuh Malaya merdeka seboleh-bolehnya pada 31 Ogos 1957 dan raja-raja Melayu tetap di belakang rakyat untuk mencapai kemerdekaan.⁷⁶

Tengku juga telah menandatangani memorandum Perikatan Pemuda UMNO yang menyebut rasmi negeri Melaka (Malacca) ditukar kepada Melaka. Kaum Ibu UMNO juga telah menghadiahkan sebilah keris yang berumur kira-kira 100 tahun yang disampaikan oleh Puan Noh Bte Osman.⁷⁷

Gambar 2.9: Tengku Abdul Rahman sedang membaca pengistiharan tarikh kemerdekaan di hadapan ribuan rakyat Tanah Melayu dan disebelah beliau ialah Abdul Ghafar Baba, Ketua UMNO Bahagian Melaka.




Gambar 2.10: Datuk Abdul Razak salah seorang wakil misi kemerdekaan menandatangani pengistiharan tarikh kemerdekaan disaksikan oleh Datuk Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO Malaya



Sumber: UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO*, Melaka, hlm 37 dan 39

Gambar 2.11: Encik Abdul Hamid b. Hj Jumat, Ketua UMNO Singapura menyerahkan peta Malaya kepada Tengku Abdul Rahman



Gambar 2.12: Tengku Abdul Rahman dihadiahkan sebilah keris sebagai tanda penghargaan atas kejayaannya menuntut kemerdekaan tanahair. Hadiah ini disampaikan oleh Zainab bt Samdin, Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO Melaka



Sumber: UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO*, Melaka, hlm 36 dan 37

Menjelang hari kemerdekaan yang dinanti-nantikan hampir tiba, pada malam 30 Ogos 1957, pada pukul 12.00 tengah malam beberapa orang wakil pemuda dan UMNO bahagian Melaka telah bersama-sama wakil UMNO di seluruh Tanah melayu telah membanjiri Padang Kelab Selangor untuk menyaksikan penurunan bendera Union Jack.⁷⁸ Bendera tersebut diturunkan dalam satu upacara gilang-gemilang dan bendera Persekutuan Tanah Melayu kemudian telah mengambil alih tempat bendera Union Jack.

Pada pukul 8.00 pagi, 31 Ogos 1957, Tengku Abdul Rahman telah menerima naskah ‘Pengisytiharan Merdeka’ daripada wakil baginda Queen, Duke Of Gloucester disaksikan oleh 25,000 rakyat Tanah Melayu, raja-raja Melayu dan tetamu luar negara di dalam istiadat yang bersejarah yang berlangsung di Stadium Merdeka. Tunku Abdul Rahman sebagai Persekutuan Tanah Melayu dan dengan ini Tanah Melayu merupakan negara ke 82 diterima menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 17 September 1957.⁷⁹

Kesimpulannya dalam usaha mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, banyak perkara yang telah dilakukan dan dikorbankan oleh pemimpin negara untuk mencapai ke arah matlamat tersebut. Sebagai parti politik yang terulung ketika itu, UMNO telah berjaya mengikat perpaduan di antara semua kaum di Tanah Melayu melalui Perikatan UMNO-MCA-MIC. Desakan-desakan supaya diadakan pilihanraya untuk mendapatkan kemerdekaan secara berpelembagaan menjadi kenyataan apabila Parti Perikatan berjaya mendapat undi lebih dua per tiga dalam pilihanraya Persekutuan tahun 1955. Dengan kejayaan itu akhirnya Tanah Melayu diberi kemerdekaan oleh British pada 31 Ogos 1957. Melaka menjadi tempat pengisytiharan kemerdekaan dan UMNO Melaka telah menempa sejarah tersendiri sebagai pendorong perjumpaan umat Tanah Melayu mendengar pengisytiharan Tengku Abdul Rahman.

Nota Hujung

- ¹ Lenore Manderson (terj. Samsudin Jaafar), 1981. *Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*, Penerbitan Fajar Bakti, Petaling Jaya, hlm. 56.
- ² *Ibid.*
- ³ Ibrahim Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 19.
- ⁴ Abdullah Zakaria Ghazali, Adnan Nawang, 1997. *Biografi Tokoh-Tokoh Pilihan Malaysia*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 123
- ⁵ Sharom Husain, 1985. *Biografi Perjuangan Dato' Onn Jaafar*, Penerbitan Fajar Bakti, Petaling Jaya, hlm. 141.
- ⁶ *Malayan Tribune*, 13 Februari 1946
- ⁷ Ibrahim Mahmood, 1981. *op.cit.*, hlm. 73
- ⁸ Mohammad Yunus Hamidi, 1961. *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 21.
- ⁹ *Ibid.*, hlm. 44-47.
- ¹⁰ UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO*, UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996, hlm. 16
- ¹¹ *UMNO 10 Tahun*, hlm. 29
- ¹² *Warta Negara*, 6 Mei 1946
- ¹³ *Ibid.*
- ¹⁴ Ramlah Adam, 1998, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 158
- ¹⁵ *Straits Chronicle*, 5 April 1946
- ¹⁶ Temuramah Datuk Wira Borhan Md Yaman, 30 Ogos 2001, Klebang Kecil, Melaka.
- ¹⁷ Nordin Sopiee, 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation Political Unification In The Malaysia Region 1945-1965*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 35.
- ¹⁸ *Ibid.*, hlm. 36.
- ¹⁹ Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 18.
- ²⁰ Tan Cheng Lock, Paper S.P 13, Malacca, 9 September 1947.
- ²¹ *Utusan Melayu*, 12 September 1947.
- ²² *Majlis*, 5 Januari 1948
- ²³ Ahmad Boestamam, 1972. *Merintis Jalan ke Puncak*, Penerbita Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, hlm. 182
- ²⁴ Ramlah Adam, 1978. *UMNO: Organisasi Dan Kegiatan 1945-1951*, Nawi Book Store, Kelantan, hlm. 45.
- ²⁵ UMNO/SG No 102/1946 Ibu Pejabat UMNO Melaka.
- ²⁶ UMNO/SG No 137/1947 Ibu Pejabat UMNO Melaka
- ²⁷ *Majlis*, 1 April 1949.
- ²⁸ Ahmad Boestamam, 1976. *Tujuh Tahun Malam Memanjang*, Penerbitan Amir Enterprise, Kuala Lumpur, hlm. 82.
- ²⁹ MCA pada peringkat awal merupakan sebuah badan yang menyatukan semua masyarakat Cina di Tanah Melayu dan sebagai badan untuk memperluaskan kebangsaan mereka mencurahkan taat setia kepada Tanah Melayu. Selain daripada itu, penubuhan MCA dapat membawa imej bersih masyarakat Cina yang menolak komunisme. Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 108
- ³⁰ *Majlis*, 10 April 1948.
- ³¹ Jabatan Perhubungan UMNO Melaka, 1963. *Sejarah Perjuangan UMNO Melaka*, Surya Publication, Melaka, hlm. 13.
- ³² *Majlis*, 1 April 1949.
- ³³ *Fais UMNO Melaka*, 24 Jun 19451.
- ³⁴ Amaluddin B. Darus, 1978. *Lintasan Politik Malaysia, Abad Entaperais*, Kuala Lumpur, hlm. 28.
- ³⁵ Li Chuan Siu, 1986. *Ikhtisar Sejarah Pergerakan Dan Kesusastraan Melayu Modern 1945-1965*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 120.

³⁶ Ahmad Fuad merupakan kawan baik kepada Dato' Onn. Apabila Dato' Onn keluar dari UMNO dan menubuhkan IMP, Ahmad Fuad bersama beberapa ahli Persatuan Uamak Malaya di dalam UMNO seperti Haji Muhamad Ghazali B. Nur, Abdul Rahman Jamaluddin Al-Jambuli dan lain-lain turut keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Islam Seinaleya (PAS). Ahmad Kamar, 1979. *Islam Tercabar (Suatu Pandangan terhadap PAS)*, Penerbitan Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, hlm. 20.

³⁷ Ada juga takut untuk bergerak di dalam politik disebabkan risiko yang dihadapi oleh mereka adalah tinggi. Ini kerana British sering memeriksa dan mengawasi pergerakan parti. Ada yang tidak yakin dengan kemerdekaan Tanah Melayu kerana ketika itu tidak terdapat ramai cerdik pandai di kalangan orang Melayu. Masalah kewangan juga menjadi satu alasan penting kerana yuran sebanyak \$3.50 setahun adalah tinggi pada ketika itu. Temuramah bersama Datuk Wira Borhan Md Yaman, 30 Ogos 2001. *Majlis*, 18 November 1949

³⁸ Jabatan Perhubungan UMNO Melaka, 1963. *op.cit.*, hlm. 21.

³⁹ Temuramah Datuk Wira Borhan Md Yaman, 30 Ogos 2001, Klebang Besar Melaka.

⁴⁰ *Fail UMNO Melaka*, 21 November 1953.

⁴¹ *Malaya Merdeka*, 2 Jun 1955

⁴² *Malaya Merdeka*, 21 April 1955.

⁴³ Tunku Abdul Rahman, 1980. *Pandang Balik*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Singapura, hlm. 22.

⁴⁴ *Fail UMNO Melaka*, 21 Februari 1953.

⁴⁵ *UMNO 10 Tahun*, hlm. 111

⁴⁶ Jabatan Perhubungan UMNO Melaka, 1963. *op.cit.*, hlm. 13.

⁴⁷ *Malaya Merdeka*, 1 Ogos 1957.

⁴⁸ *Fail UMNO Melaka*, 3 Julai 1954.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Lenore Manderson, 1981. *op.cit.*, hlm. 201.

⁵¹ *Utusan Melayu*, 18 Februari 1955.

⁵² *Utusan Melayu*, 1 Julai 1955.

⁵³ *Utusan Melayu*, 4 Ogos 1955

⁵⁴ *Malaya Merdeka*, 13 Jun 1955.

⁵⁵ *Malaya Merdeka*, 23 Jun 1955.

⁵⁶ *Malaya Merdeka*, 10 Ogos 1955.

⁵⁷ S. Simanjuntak, 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*, Penerbitan Fajar Bakti, Petaling Jaya, hlm. 81.

⁵⁸ *Utusan Melayu*, 1 Ogos 1955.

⁵⁹ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 275.

⁶⁰ *Utusan Melayu*, 2 Januari 1956.

⁶¹ *Utusan Melayu*, 20 Januari 1956.

⁶² Lima alasan UMNO Bahagian Kuala Kangsar mencadangkan Melaka sebagai tempat misi mengisyiharkan kemerdekaan iaitu a) memperingati sejarah kerajaan Melayu Melaka, b) Perkataan "takkan Melayu hilang di dunia" terbit di Melaka oleh Laksamana Hang Tuah, c) Di Melaka pertama kali dipenjajah Portugis pada 24 Ogos 1511, d) "di atas robohnya kota Melaka kita bangunkan jiwa-jiwa merdeka" kata Dr Burhanuddin dalam tahun 1946 di Melaka, e) UMNO mendesak pilihanraya seratus peratus yang menyebabkan Tengku Abdul Rahman berangkat ke England dalam mesyuarat agung di Melaka. UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO*, Melaka, hlm. 24

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Utusan Melayu*, 3 Februari 1956.

⁶⁵ *Fail UMNO Melaka*, 7 Februari 1956

⁶⁶ UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *op.cit.*, hlm 27.

⁶⁷ *Fail UMNO Melaka*, 10 Februari 1956.

⁶⁸ *Fail UMNO Melaka*, 11 Februari 1956.

⁶⁹ *Fail UMNO Melaka*, 11 Februari 1955.

⁷⁰ *Utusan Melayu*, 17 Februari 1956.

⁷¹ *Utusan Melayu*, 19 Februari 1956.

⁷² Tunku Abdul Rahman, 1980. *Pandang Balik*, hlm. 84.

⁷³ UMNO Perhubungan Negeri Melaka, 1996. *op.cit.*, hlm. 28.

⁷⁴ *Ibid.*, hlm. 30.

⁷⁵ *Utusan Melayu*, 21 Februari 1956.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ *Ibid.*, hlm. 37.

⁷⁸ Temuramah Datuk Wira Borhan Md Yaman, 30 Ogos 2001.Klebang Kecil Melaka.

⁷⁹ Ibrahim Ismail, 1992. *Menuju Kelahiran Malaysia*, Edusystem Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 28.